

Rabu, Jan 24 2018

Penarafan bukti ekonomi diurus baik

➔ Pelbagai dasar, langkah jadikan pembangunan negara lebih inklusif, mapan



Malaysia berisiko diturunkan dalam penarafan kredit jika ekonomi negara ini tidak diurus dengan baik, kata Pengerusi Permodalan Nasional Bhd (PNB), Tan Sri Abdul Wahid Omar.

Beliau berkata sekiranya penarafan kredit diturunkan, kos pinjaman akan meningkat sekali gus memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

"A- atau A3 membolehkan syarikat korporat meminjam pada tahap yang munasabah. Sekiranya kredit negara diturunkan, maka kos pinjaman akan meningkat," katanya di luar acara Invest Malaysia 2018 di Kuala Lumpur, semalam.

Mengulas lanjut, Abdul Wahid

berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyampaikan amanat yang cukup jelas mengenai pencapaian ekonomi sejak 2009.

"Apa yang telah kita (kerajaan) lakukan bukan hanya untuk pasaran yang meluas, tetapi mentadbir dengan pelbagai dasar dan langkah untuk menjadikan ekonomi negara lebih inklusif, adil dan mapan. Inilah cara kerajaan menguruskan kewangan.

Jana lebih banyak pulangan

"Melihat kepada pakej yang lebih holistik, ekonomi makro, dasar monetari dan prestasi sektor korporat sangat penting dan diharapkan ia bertambah baik pada 2018 dalam



Abdul Wahid Omar

usaha meningkat pendapatan, mengoptimumkan kos dan menjaga lebih banyak pulangan kepada pemegang saham," katanya.

Beliau berkata, semua pihak juga perlu mengambil langkah mengurangkan kebergantungan terhadap sumber semula jadi dan mempelbagaikan asas pendapatan.

Mengulas mengenai prestasi kewangan PNB, Abdul Wahid berkata, syarikat pelaburan itu mencatatkan momentum positif bagi bulan pertama 2018 dan ia dijangka berterusan sepanjang tahun ini.

"2017 adalah tahun yang sangat baik bagi Malaysia dan kesannya dapat dirasai dalam pasaran saham dengan KLCI naik 9 peratus," katanya.